



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Jumaat, 29 April 2022

1.	Kartel untung dua kali ganda banding peniaga
2	Peniaga P.Pinang resah bekalan ayam kurang 50%
3	Bekalan ayam kurang50 peratus
4	Jumhur ulama benar jual beli kucing
5	Subsidi penternak ayam ditambah
6	Tempahan ‘hotel kucing’ dah penuh
7	Berebut leweh muka hantu!
8	Authorities need public’s help to contain rabies

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.4.2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Kartel ayam untung dua kali ganda banding peniaga

SHAH ALAM: Kartel ayam menguntungkan lebih dua kali ganda berbanding peniaga apabila membeli ayam hidup daripada perternak pada harga RM5.50 sekilogram.

Kartel memperoleh untung sekitar RM2 hingga RM2.50 apabila menjualnya kepada peniaga di pasar-pasar pada harga RM7.60, malah mereka turut mengenakan caj penghantaran sebanyak 50 sen bagi setiap kilogram (kg) ayam menjadikan harga yang dijual kepada peniaga adalah RM8.10.

Berbanding peniaga, mereka hanya menjual kepada

pengguna pada harga RM8.90 sekilogram dan terpaksa mengebakkan caj pemotongan sebanyak 40 sen bagi mengimbangi kos operasi perniagaan setiap hari.

Perkara itu dikongsi seorang peniaga di pasar awam di sekitar Shah Alam yang memberitahu, mereka tiada pilihan selain akur dengan tekanan pembekal untuk memastikan bekalan ayam cukup untuk dijual.

Menurutnya, situasi tersebut dihadapi peniaga-peniaga di hampir semua pasar sekitar Selangor apabila berterusan terkenan dengan kenaikan harga

makanan ayam.

"Jika hanya 100 ekor sahaja ayam dengan anggaran berat sekitar dua kilogram dapat dijual dalam masa sehari, keuntungan yang diperoleh cuma RM160. Sebab itu kami terpaksa kenakan caj pemotongan sebanyak 40 sen seekor, itupun baru dapat RM40."

"Macam mana hendak bayar kos pembentahan kedai yang gaji harianya RM60 hingga RM80 sehari. Berbanding kartel-kartel mereka jual puluhan ribu ekor ayam termasuk ayam rosak dan patah tulang, sudah tentu keuntungannya lebih besar," katanya

ketika ditemui *Utusan Malaysia* semalam.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan industri ternakan ayam di negara ini dilihat seperti 'diperambakan' oleh kumpulan kartel sehingga banyak ladang ditutup atau beroperasi dalam keadaan 'nyawa-nyawa ikian' kerana pulangan diperoleh tidak sepadan dengan penat lelah.

Dalam pada itu, peniaga-peniaga ketika ditemui turut mendakwa mereka dimaklumkan pembekal mengenai bekalan ayam menjelang Aidilfitri akan berkurangan dan tidak

dapat memenuhi permintaan jualan terutama pada hari Sabtu dan Ahad ini.

Peniaga sama memberitahu, situasi kekurangan bekalan yang ketara pada tahun ini adalah pertama kali berlaku apabila bekalan yang diminta tidak dapat dipenuhi oleh pembekal.

"Hari ini (kelmarin) saya tempah bekalan ayam daripada pembekal adalah sebanyak 200 ekor sehari untuk jualan pada Sabtu dan Ahad ini, tetapi mereka memberitahu hanya dapat bekalkan tidak sampai 20 ekor kerana kekurangan bekalan," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.4.2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Peniaga P. Pinang resah bekalan ayam kurang 50%

Oleh NOOR HASLIZA NUSI
utusannews@mediamulia.com.my

GEORGETOWN: Peniaga ayam di negeri ini mula resah apabila mendakwa bekalan ayam standard semakin berkurangan sehingga 50 peratus sejak Isnin lalu dan dijangka berlanjut menjelang Aidilfitri minggu depan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* pada awam daerah Barat Daya dan Timur Laut di sini semalam mendapati, hampir sebahagian besar pengusaha premis menjual ayam terpaksa menutup operasi lebih awal sekitar pukul 9 hingga 10 pagi.

Rata-rata mereka dikatakan hanya menjalankan operasi perniagaan kurang tempoh tiga jam bermula pukul 6.30 pagi.

Ketika ini, ayam standard dijual RM8.90 sekilogram mengikut ketetapan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (HRP) 2022.

Difahamkan, pemborong atau pembekal ayam kini terpaksa mengehadkan separuh daripada tempahan bekalan ayam kepada peniaga setiap hari.

Seorang peniaga di Bayan Baru yang hanya mahu dikenali sebagai Ahmad, 46, berkata, isu kekurangan bekalan ayam standard menjadi semakin ketara minggu ini sehingga memberi kesan terhadap operasi dan keuntungan perniagaan mereka.



PENIAGA di pasar awam di Georgetown terpaksa menutup operasi lebih awal selepas mendakwa kekurangan bekalan ayam yang diperoleh daripada pemborong sejak Isnin lalu.

Menurutnya, dia hanya menerima setengah daripada jumlah tempahan bekalan ayam dan terpaksa meneruskan perniagaan meskipun dalam kuantiti yang sedikit.

"Isu sebegini boleh dikatakan pertama kali berlaku menjelang Aidilfitri dan menjadi semakin ketara sejak tiga hari lalu (Isnin)

apabila tempahan kira-kira 200 ekor ayam sehari telah dikurangkan kepada 100 ekor," katanya ketika ditemui semalam.

Sementara itu, seorang lagi peniaga yang mahu dikenali sebagai Azlina, 43, berkata, kerajaan seharusnya menyelesaikan masalah itu di peringkat peladang dan bukannya pihak

peruncit.

"Masalah ini bukan memberi kesan kepada pengguna malah peniaga juga terjejas pendapatan. Selain masalah bekalan, kami terpaksa berdepan dengan isu harga ayam, beg plastik dan kos bayar gaji pekerja," kata beliau yang mahu kerajaan segera selesaikan masalah ini.

Peniaga Pulau Pinang mengeluh bekalan merudum ganggu persiapan Aidilfitri

Bekalan ayam kurang 50 peratus

ISU PENGGUNA

Oleh NOOR HASLIZA NIUSI

GEORGE TOWN – Situasi bekalan ayam kurang bukan sahaja membelenggu pengguna di Selangor tetapi turut menghantui orang Pulau Pinang.

Di saat umat Islam bakal menyambut Aidilfitri tiga hari lagi, timbul kerisauan dalam kalangan peniaga apabila bekalan ayam standard kini semakin berkurangan sehingga 50 peratus sejak Isnin lalu.

Kekurangan itu dakwa mereka dijangka berlarutan menjelang Aidilfitri yang bakal menjelaskan persiapan raya.

Situasi itu didakwa berlaku akibat pemberoran atau pembekalan ayam yang mengehadkan tempahan bekalan ayam kepada peniaga setiap hari.

Tinjauan *Kosmo!* di pasar awam daerah Barat Daya dan Timur Laut di sini semalam mendapati, hampir sebahagian besar peniaga ayam di situ menutup operasi lebih awal antara pukul 9 atau 10 pagi ekoran barang jualan telah habis dijual.

Rata-rata mereka dikatakan hanya membuka kedai kurang tiga jam bermula pukul 6.30 pagi.

Ketika ini, ayam standard dijual pada harga RM8.90 sekilogram mengikut ketetapan Skim Harga Maksimum Musim Per-



PENIAGA ayam di Pasar Awam Bayan Baru George Town terpaksa menutup operasi lebih awal berikutan kekurangan bekalan ayam sejak Isnin lalu.

yaan Hari Raya Puasa (HRP) 2022. Seorang peniaga ayam di Bayan Baru dikenali Ahmad, 46, berkata, isu kekurangan bekalan semakin ketara minggu ini sehingga memberi kesan terhadap operasi dan keuntungan perniagaan mereka.

"Ini kali pertama kami menghadapi masalah kekurangan bekalan hanya membuka kedai kurang tiga jam bermula pukul 6.30 pagi. Ketika ini, ayam standard dijual pada harga RM8.90 sekilogram mengikut ketetapan Skim Harga Maksimum Musim Per-

"Bekalan ayam mulai susut se-

KERATAN Kosmo! semalam.

jak minggu lalu dan pemberoran mengingatkan kami supaya bersedia dengan sebarang kemungkinan yang berlaku.

"Kami juga diberitahu, jumlah bekalan ayam hidup di ladang kini semakin susut selain semuanya bersaiz kecil dan disebabkan itu, pihak peladang dikatakan tidak dapat membelikan ayam hidup kepada

pengilang dan pemberoran buat seketika," katanya semalam.

Berikutnya masalah itu, Ahmad memutuskan untuk tidak menerima tempahan, sebaliknya pelanggan yang ingin mendapatkan bahan mentah itu perlu membeli di kedai lain.

"Kami tidak dapat menunaikan tempahan daripada pelanggan seperti tahun-tahun yang

lalu. Kali ini, mereka (pelanggan) perlu datang terus ke kedai dan tiada lagi tempahan menerusi telefon atau sebaliknya.

"Waktu operasi tidak sampai empat jam sehari dan kami terpaksa tutup awal ketika waktu kemuncak, pelanggan datang ke pasar sekitar pukul 9 hingga 10 pagi," jelasnya lagi.

Sementara itu, peniaga ayam dikenali Azlina, 43, berkata, pihak kerajaan seharusnya menyelesaikan masalah kekurangan bekalan di peringkat peladang kerana keadaan itu bukan sahaja memberi kesan kepada pengguna malah peniaga kerana keuntungan harian terjejas.

"Ayam menjadi bekalan utama pengguna selain daging setiap kali perayaan. Perkara ini tidak sepertinya berlaku kerana hanya beberapa hari lagi umat Islam menyambut Aidilfitri.

"Selain masalah bekalan, kami terpaksa berdepan dengan isu harga ayam, beg plastik dan kos gaji pekerja," ujarnya.

Azlina memaklumkan, bekalan 100 ekor ayam standard yang diperolehnya habis dijual seawal pukul 8.30 pagi.

Sementara itu, Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, Mohd. Ridzuan Ab. Ghafar berkata, biarpun terdapat permintaan tinggi, bekalan ayam, daging dijamin mencukupi di negeri berkenaan.

"Selakat ini pihak kami tidak menerima aduan daripada pengguna mengenai kekurangan bekalan ayam atau harga ayam yang dijual melebihi harga ditetapkan iaitu RM8.90 sekilogram," katanya di sini semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.4.2022	KOSMO	K2	22

Tanya Mufti

Bersama
**DATUK DR. MOHD.
ASRI ZAINUL ABIDIN**

Jumhur ulama benar jual beli kucing

APAKAH hukum menjalankan urusan jual beli kucing kerana saya pernah mendengar, ada pihak mengatakan itu dibolehkan dalam Islam?

JAWAPAN:
Ulama fekah berkhalif pendapat tentang hal ini.

Ada sejumlah ulama melarang, manakala majoriti ulama membenarkan menjual atau membeli kucing.

Ini seperti kata al-Imam al-Nawawi (meninggal 676H) ketika mensyarah hadis larangan menjual kucing: "Adapun larangan (memakan) harga (jualan) kucing, maka itu atas andaian ia tidak bermanfaat atau larangan tanzih (makruh tidak haram) agar orang ramai terbiasa dengan memberi dan meminjamkan kucing serta bertolak ansur dengan hal itu seperti yang menjadi kebiasaan."

Sekiranya ia termasuk dalam yang memberikan manfaat, iaitu menjualnya, maka sah jual beli dan harganya halal.

Inilah mazhab kita dan mazhab ulama keseluruhanya, kecuali apa yang Ibn Munzir nyatakan dan daripada Abu Hurairah, Tawus, Mujahid, Jabir bin Zaid iaitu tidak harus jual belinya (kucing). Mereka berhujah dengan hadis ini.

Jumhur menjawab bahawa larangan itu atas andaian yang disebutkan tadi. Inilah jawapan yang diperlengkap. (al-Nawawi, Syarah Sahih Muslim, 10/233. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi).

Di sini kita bincang secara ringkas dua pandangan tersebut:

Pertama, pendapat yang mengharankan jual beli kucing. Ini adalah pendapat tokoh-tokoh seperti disebut oleh al-Imam al-Nawawi tadi. Turut menyokong pendapat ini al-Imam Ibn Qayyim (meninggal 751H) dalam kitabnya Zad al-Ma'ad dengan menyatakan: "Inilah pendapat yang benar disebabkan sahnya hadis berkaitan hal ini dan tiada dalil lain yang menyanggahinya. Maka, wajib berpegang dengan pendapat ini." (5/685. Beirut: Maktabah al-Manar al-Islamiyyah).

Alasan utama mereka ialah hadis berkaitan larangan tersebut yang mana Jabir bin Abdullah meriwayatkan Nabi s.a.w melarang hal itu. Daripada Abu Zubair, dia berkata: Aku bertanya Jabir mengenai harga anjing dan kucing liar." Kata Jabir: "Nabi s.a.w melarang perkara itu" (Riwayat Muslim, Abu Daud, Ibn Majah dll).

Kedua, pendapat yang membolehkan menjual beli kucing. Ini pendapat jumhur (majoriti) ulama seperti yang disebutkan tadi.

Dalam berpegang dengan pendapat ini, mereka (jumhur) berkhalif pula dalam mengulas hadis larangan tersebut.

Ada berpendapat bahas itu daif. Ini apa yang disebut oleh al-Khattabi dan Ibn 'Abd al-Barr. Namun, pendapat ini ditolak al-Imam al-Nawawi sendiri, dengan katanya: "Adapun apa yang al-Khattabi dan Abu 'Amr bin 'Abd al-Barr menyebutnya bahawa hadis larangan tersebut daif, (maka jawapannya) hadis

itu bukan seperti yang mereka kata. Bahkan hadis itu sahih, riwayat Muslim dan selainnya," (al-Nawawi, Syarah Sahih Muslim, 10/234. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi).

Ada berpendapat, larangan tersebut jika kucing itu liar dan tidak dapat diserahkan semasa pembelian.

Ada pula berpendapat, hadis ini di awal Islam, kemudian dimansuhkan dan berpandangan, ia sekadar larangan makruh bukan haram.

Ada pula yang mengatakan, larangan itu jika kucing tersebut bukan milik pihak yang menjual, selain pandangan sebagai galak untuk manusia bertolak ansur dalam pemberian kucing seperti menjadi adat kebiasaan.

Ada pula yang menyatakan seperti yang al-Nawawi sebut tadi jika ada manfaat, maka boleh dijual beli.

Kucing yang ada manfaat seperti menghalau tikus, maka boleh dijual beli. Larangan hanya jika tiada manfaat.

Sesiapa yang berpegang kepada pendapat jumhur ulama, maka dibolehkan menjual dan membeli kucing, selagi ada nilai manfaat.

Jika sudah tiada nilai, maka haram. Pendapat yang mengharankan secara mutlak pula berhujah dengan hadis yang jelas larangan tersebut. Cumanya, jumhur ulama berbeza dalam mentakwilkan sebab larangan.

Justeru, jika seseorang mengelakkan diri dari terlibat dengan jual beli kucing, maka itu lebih baik kerana selamat daripada pertikaian hukum itu. Apakah lagi jika harganya begitu mahal, maka ia mendekati unsur pembaziran. Kita tahu agama kita melarang pembaziran.

URUSAN jual beli kucing diharuskan oleh majoriti ulama. — GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.4.2022	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI	23

Subsidi penternak ayam ditambah

Bagi kawal harga runcit ayam mentah RM8.90 per kg

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Keraajaan akan menambah subsidi kepada penternak ayam bagi memastikan harga runcit ayam mentah kekal pada RM8.90 sekilogram (kg).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, perkara itu diputuskan dalam Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), baru-baru ini.

"Mesyuarat terakhir NACCOL memutuskan harga ayam segar perlu dikenakan pada harga RM8.90 per kg sehingga 5 Jun ini.

"Oleh kerana ada kenaikan kos, kerajaan setuju menambah subsidi bagi menampung kos supaya harga runcit kekal.

Penambahan subsidi akan diumumkan kemudian, namun dari segi prinsipnya harga siling perlu diteruskan sehingga 5 Jun ini dahulu sebelum perkara lain diputuskan nanti," katanya ketika lawatan kerja ke sebuah stesen minyak di Jalan Lingkar Dalam, pada Khamis.

Pada Februari lalu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dilaporkan berkata, pemberian subsidi sebanyak RM0.60 sen per kilogram (kg) kepada penternak ayam adalah selepas mengambil kira harga ayam hidup di peringkat ladang sebanyak RM5.90 per kg dan harga runcit ayam bulat standard sebanyak RM8.90 per kg.

Bagi subsidi telur pula, jemaah menteri bersetuju memberi sebanyak RM0.05 sen sebijik untuk semua kategori.

Keseluruhan implikasi kewangan kepada kerajaan bagi melaksanakan pemberian subsidi ayam dan telur di seluruh negara untuk tempoh empat bulan bermula Februari adalah sebanyak RM528.52 juta.

Alexander (dua dari kanan) melawat sebuah stesen minyak di Jalan Lingkar Dalam Johor Bahru, pada Khamis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.4.2022	HARIAN METRO	LOKAL	8

Tempahan 'hotel kucing' dah penuh!

Seremban: Bukan sahaja tiket bas habis ditempah malah 'hotel kucing' di sekitar negeri ini juga penuh ditempah pemilik haiwan comel berkenaan yang mahu pulang beraya di kampung halaman masing-masing.

Pemilik premis This Is Meowness di Nilai, Nur Filzah Supian, 37, berkata, permintaan untuk menempatkan haiwan belaan itu di hotel kucing diusahakannya menerima tempahan luar biasa tahun ini berbanding beberapa tahun lalu.

"Di hotel kucing saya terdapat 46 sangkar atau bilik dengan saiz berbeza yang mana boleh memuatkan sehingga 100 kucing dalam satut masa. Saya membuka tempahan sempena raya bermula beberapa hari selepas puasa.

"Pada hari keempat sahaja, bilik kucing bagi tarikh 30 April hingga 5 Mei habis ditempah. Orang ramai betul-betul menyambut raya tahun ini selepas dua tahun tidak dapat berbuat demikian," katanya, semalam.

Nur Filzah yang mengusahakan hotel kucing bersama suaminya, Syahroudy Abdul Aziz, 37, berkata, pelanggannya bukan sahaja terdiri daripada penduduk di sekitar Nilai, malah ada yang berasal dari Seremban, Bangi dan Putrajaya.

"Selain faktor tidak dapat pulang beraya sebelum ini, permintaan mendadak itu disebabkan ramai individu

yang membela kucing ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya.

Sementara itu, pengusaha Klinik Kucing Cinta Qaseh di Seremban, Azliza Ahmad, 40, berkata, dia menyediakan premis dan sangkar baharu pada tahun ini selepas menjangkakan permintaan tinggi sempena musim perayaan.

"Selepas dua tahun dikekang wabak Covid-19, saya sudah menjangkakan permintaan tinggi daripada pemilik kucing. Bukan hanya pada musim perayaan, malah setiap kali terdapat cuti panjang, hotel kucing kami mendapat tem-

pahan tinggi.

"Saya kemudiannya menawarkan sebuah bangunan baharu yang hanya dikhaskan untuk hotel kucing sahaja memandangkan saya juga mengusahakan klinik kucing.

"Kini terdapat 100 sangkar kecil atau setingkat dan 15 sangkar setinggi tiga tingkat.

"Tarikh yang paling banyak ditempah adalah pada 30 April hingga 3 Mei dan sehingga kini boleh dikatakan sudah hampir penuh.

"Pada tahun ini kami mengejanakan deposit bagi yang membuat tempahan kerana sebelum ini ramai yang membatalkan tempahan pada saat akhir," katanya yang sudah 10 tahun mengusahakan hotel dan perkhidmatan kesihatan kucing.

“
Bilik kucing bagi
tarikh 30 April
hingga 5 Mei
habis ditempah
Nur Filzah”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.4.2022	HARIAN METRO	LOKAL	20

Berebut Leweh muka hantu!

Pemilik bertegas enggan jual kambing baka Jamnapari walaupun ditawar harga RM20,000

Oleh Ahmad Rabibul Zulkifli
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Wajah seekor kambing baka Jamnapari milik seorang lelaki tidak ubah seperti hantu namun menjadi kegilaan ramai sehingga ditawar pada harga tinggi.

Kambing berkenaan yang dipanggil Leweh ditawarkan pada harga mencecah RM10,000 seekor oleh seorang peminatnya, baru-baru ini.

Pemiliknya, Mohd Asrol Gulam Mohd, 36, dari Kampung Surau Panjang di sini, berkata kambing Jamnapari itu dibeli ketika berusia tujuh bulan dengan harga RM7,000.

"Saya tidak akan jual Leweh kalau pun ditawar pada harga RM20,000 kerana kambing seperti itu hanya satu dalam 1,000.

"Leweh banyak berjasa, sa-



LEWEH mencipta rekod tersendiri apabila menjuarai pertandingan Kambing Baka 2022

ya banyak jual anak Leweh dan ada antaranya berharga hingga RM9,000 untuk empat ekor.

"Malah, kambing Jamnapari seperti Leweh sukar diperoleh sekaran dan jika ada pun berharga tinggi ser-

ta perlu diimport dari Indonesia," katanya, semalam. Menurutnya, kambing berrusia lebih dua tahun itu ditawar dengan harga RM10,000, tetapi dia tidak berhasrat menjualnya.

"Biar saya bela Leweh

hingga ke akhir hayatnya, lagipun Leweh masih produktif sebagai pembaka dan pejantan utama di kandang.

"Terbaru Leweh mencipta rekod tersendiri apabila menjuarai pertandingan Kambing Baka 2022 selain

dipilih sebagai juara antara juara pada pertandingan itu," katanya.

Katanya, kemenangan Leweh menyebabkan harganya semakin melambung dan dijalai peminat kambing Jamnapari di seluruh negeri ini.

"Selain Leweh, saya ada 14 lagi kambing Jamnapari yang diternak lebih 10 tahun lalu," katanya.

Mohd Asrol Gulam Mohd

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.4.2022	THE STAR	VIEW	15

Authorities need public's help to contain rabies

WITH two cases detected just 60km apart, we clearly have rabies to deal with in Selangor, "Selangor detects a second rabies case, says state Health director" (*The Star*, April 24; online at <https://bit.ly/3kmKlup>).

Rabies is deadly to both animals (in this case dogs) and humans, hence it must be dealt with seriously. As such, media reports that the Department of Veterinary Services is rounding up strays within a 10km radius of the index cases to test the animals for the disease is most reassuring, especially to the residents of the areas concerned.

The veterinarians will have to literally get into the brain of the animals to confirm infection after they have been humanely euthanised.

In the meantime, pet owners should confine their dogs (and cats) within their compounds. This is to ensure that their pets are not accidentally caught by the authorities, and also to prevent them from coming into close contact with strays infected with rabies.

Feeding strays is one of the ways that rabies can spread, as the availability of food allows the infected and non-infected animals to mingle.

Animal welfare NGOs in Selan-

gor should take the lead in saving stray dogs by putting them in shelters where they can be provided with proper care and love. Dogs and cats belong in loving homes with humans, not out on the hostile streets.

Unfortunately, there are members of certain NGOs who are urging people to hide the strays when they see the authorities coming. This is indeed an irresponsible act that will make the rabies containment process more difficult.

NGOs should help by educating their members, followers and the public at large about the dangers of

rabies and how to avoid being bitten by an infected dog or cat.

They should also provide information on the immediate action to take if one gets bitten or scratched by any animal.

DR SARAVANAKUMAR S.
PILLAI

Senior adviser, Farm Animal Welfare, Policy & Engagement Humane Society International and ANTHONY THANASAYAN PETPOSITIVE (Animal-assisted therapy for the disabled and elderly)
Petaling Jaya